

Isa dilmadkan

Petikan dari Kitab Injil: [Matius 3:1-17](#).



¹Pada masa itu Yahya Pengimad menyampaikan berita ini di gurun di Yudea. ²Dia berseru, 'Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga hampir tiba!' ³Yahyalah yang dimaksudkan dalam nubuat Nabi Yasyaya:

'Suara seorang berseru di gurun:

"Sediakanlah jalan untuk Tuhan, luruskan jalan untuk-Nya."

⁴Pakaian Yahya diperbuat daripada bulu unta dan tali pinggangnya daripada kulit. Makanannya belalang dan madu gurun. ⁵Orang dari Baitulmaqdis, seluruh Yudea dan segenap kawasan sekitar Sungai Yordan datang mendapatkan Yahya. ⁶Mereka mengaku dosa lalu diimadkan oleh Yahya di Sungai Yordan.

⁷Ramai orang Farisi dan Saduki datang untuk diimadkan. Apabila melihat mereka, Yahya berkata, 'Hai orang durjana! Siapakah yang memberitahumu bahawa kamu dapat melepaskan diri daripada hukuman Allah kelak?' ⁸Buktikanlah dengan perbuatan bahawa kamu telah bertaubat. ⁹Jangan sangka kamu dapat melepaskan diri daripada hukuman dengan berkata, "Ibrahim moyang kami." Ketahuilah, Allah berkuasa menjadikan batu-batu ini anak cucu Ibrahim! ¹⁰Kapak sudah tersedia untuk menebang pokok hingga ke akar umbinya. Setiap pokok yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang dan dihumbankan ke dalam api.

¹¹'Aku mengimadkanmu dengan air untuk menunjukkan bahawa kamu telah bertaubat. Tetapi Dia yang datang selepasku akan mengimadkanmu dengan Roh Suci dan api; Dia lebih berkuasa daripadaku; membawakan kasut-Nya pun aku tidak layak. ¹²Tangan-Nya memegang nyiru untuk menampi. Dia akan mengumpulkan gandum yang bersih di dalam jelapang dan membakar sekam di dalam api yang tidak mungkin padam.'

¹³Ketika itu Isa meninggalkan Galilea lalu pergi ke Sungai Yordan. Di situ Dia berjumpa dengan Yahya dan meminta diimadkan olehnya. ¹⁴Yahya cuba menolak dengan berkata, 'Sepatutnya Engkau yang mengimadkanku. Ini Engkau pula datang kepadaku!'

¹⁵Tetapi Isa menjawab, 'Biarkanlah demikian untuk sekarang, kerana dengannya kita akan menunaikan segala kebenaran.' Yahya pun patuh.

¹⁶Setelah diimadkan, Isa keluar dari air dengan segera. Lalu terbukalah langit dan dia melihat Roh Allah turun seperti burung merpati ke atas-Nya. ¹⁷Kemudian kedengaran suara Allah berfirman, 'Inilah Putera-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan.'